



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 27 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KOS TUAI PADI SAMA WALAU DIESEL TURUN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 8	LAIN – LAIN
2.	KOS TANAM PADI CECAH RM7,000 SEHEKTAR, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 3	
3.	BEKALAN SAYUR BERISIKO SUSUT 50 PERATUS, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 2	
4.	RM100 UPAH SELUDUP 8.5 TAN BERAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 8	
5.	LELAKI DITAHAN BAWA 8.5 TAN BERAS SIAM, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 22	
6.	FESTIVAL SAWAH PADI SEKINCHAN 2026 TARIKAN PELANCONGAN AGRO, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
7.	UMT PERKASA EKONOMI KOMUNITI MELALUI LEPASAN BENIH UDANG GALAH, PENDIDIKAN, BERITA HARIAN, M/S – 19	
8.	TERENGGANU GOVT PROBING WATER TURBIDITY AT KELAH SUNCTUARY, NATION, THE STAR, M/S – 6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Kos tuai padi sama walau diesel turun

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

ROMPIN: Pesawah di daerah ini masih dalam dilema apabila harga menuai padi kekal tinggi sekitar RM250 untuk keluasan 0.4 hektar, meskipun harga diesel sudah dua kali diturunkan oleh kerajaan.

Seorang pesawah yang ingin dikenali sebagai Acik berkata, sebelum kenaikan harga diesel, kos menuai hanya sekitar RM150, jauh lebih rendah berbanding kadar semasa.

“Sekarang harga diesel sudah turun dua kali tetapi kos menuai tidak ikut turun. Kami pesawah tetap terbeban dengan kos tinggi,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Acik, keadaan itu menimbulkan tanda tanya dalam kalangan pesawah kerana kos bahan api sepatutnya menjadi faktor utama penentuan harga menuai.

“Kalau dulu alasan kenaikan kerana diesel naik, sekarang diesel sudah turun. Kenapa harga menuai masih kekal RM250?,” soalnya.

Katanya, terdapat perbezaan harga antara kampung berhampiran yang mengenakan kadar RM210 sahaja, sekali gus menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pesawah.

“Di kampung sebelah, harga menuai lebih rendah. Kenapa di sini masih RM250? Perbezaan ini menekan kami yang sudah sedia terbeban dengan kos baja

dan racun,” katanya.

Menurutnya, pesawah tidak menolak bayaran munasabah kepada pengusaha mesin menuai namun kadar yang terlalu tinggi menjejaskan pendapatan mereka.

Dia berharap pihak berkuasa dapat memantau harga menuai padi supaya selaras penurunan harga diesel, sekali gus meringankan beban pesawah.

“Pendapatan pesawah bukan besar. Bila kos menuai terlalu tinggi, hasil bersih semakin kecil. Akhirnya pesawah terus miskin di sawah sendiri.

“Kerajaan perlu turun padang, jangan biarkan pengusaha mesin menuai tetapkan harga sesuka hati. Pesawah perlukan pembelaan,” katanya.



KOS menuai padi yang masih tinggi sekitar RM250 untuk keluasan 0.4 hektar membebankan golongan pesawah di Rompin, Pahang. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

Kos tanam padi cecah RM7,000 sehektar



LAPORAN MUKA DEPAN

Kos input pertanian meningkat termasuk baja, kos logistik

ALOR SETAR - Kos mengusahakan satu hektar tanaman padi kini boleh mencecah sehingga RM7,000 sekiranya tiada campur tangan langsung kerajaan bagi membantu menangani kenaikan kos susulan krisis global.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, kerajaan digesa memperluaskan Skim Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) kepada pesawah bagi mengurangkan beban yang semakin meningkat.

Beliau mendakwa, kos input pertanian semakin meningkat sehingga 120 peratus berikutan kenaikan harga bahan mentah baja dan kos logistik.

"Semasa penyasaran diesel dilaksanakan, kos mengusahakan satu hektar tanaman padi antara RM5,000 hingga RM5,500 tapi dalam keadaan

krisis tenaga global sekarang, kos itu meningkat hampir RM7,000 sehektar.



ABDUL RASHID

"Jika inilah kos yang terpaksa ditanggung, pesawah tidak lagi mampu mengusahakan sawah kerana ia terlalu tinggi," katanya.

Ujar beliau, walaupun harga diesel telah turun sebanyak 75 sen kepada RM5.97 bermula Khamis lalu, namun kadar tersebut masih dianggap tinggi.

Menurutnya, bagi pemilik jentera membajak sawah yang tidak mendapat insentif SKDS, mereka terpaksa membeli diesel pada harga pasaran, sekali gus meningkatkan kos operasi.

"Apabila pemilik jentera menanggung kos diesel yang tinggi, beban itu akhirnya dipindahkan kepada pesawah," katanya.

Tambah beliau, peningkatan kos pengeluaran turut menimbulkan persoalan mengenai keperluan untuk menyelaras

LAPORAN KHAS
Suara Rakyat

semula harga belian padi bagi memastikan kelangsungan ekonomi pesawah.

Menurutnya, harga belian padi ketika ini sekitar RM1,500 bagi satu tan tidak lagi relevan kerana kos diesel dan input pertanian meningkat beberapa kali.

"Pesawah telah lama menyerap kenaikan kos ini. Jika harga belian padi kekal, ia tidak adil kepada pesawah kerana kos pengeluaran makin meningkat.

"Kami berpandangan perlu ada pelarasan harga belian padi yang lebih realistik bagi menampung kos tersebut," katanya.

Sehubungan itu, Abdul Rashid mencadangkan harga belian padi diselaras-kan kepada sekitar RM3,000 bagi satu tan supaya pesawah mampu menampung kos operasi termasuk penggunaan jentera dan peralatan pertanian.

Menurutnya, pesawah bukan sekadar mengharapkan subsidi kerajaan, sebaliknya mahu hasil tanaman dijual pada harga munasabah dan menguntungkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

2 Oleh NORAWAZNI YUSOF, WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR, NORHASPIDA YATIM & MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

Sinar Nasional

ISNIN 27 APRIL 2026 | SINAR HARIAN

Bekalan sayur berisiko susut 50 peratus

Lonjakan kos baja dan racun himpit pekebun, pengeluaran dijangka menurun



LAPORAN MUKA DEPAN

KUANTAN - Pengeluaran sayur-sayuran negara dijangka merosot sehingga 50 peratus sekiranya kenaikan kos input pertanian tidak ditangani segera.

Pengerusi Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Melayu Cameron Highlands (PPPMCH), Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid berkata, keadaan itu susulan peningkatan mendadak kos baja Fertigasi dan racun yang melonjak antara 20 hingga 30 peratus dalam tempoh sebulan sahaja.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan pengusaha ladang dalam keadaan tertekan sehingga memaksa mereka bekerja keras semata-mata untuk bertahan daripada operasi gulung tikar.

"Ramai pekebun kini terpaksa 'ikat perut' dan menterah otak bagi mengimbangi kos operasi yang semakin tidak munasabah.

"Kami cuba menyerap kenaikan ini sedaya upaya agar

harga di pasaran tidak melambung, namun kemampuan kami ada hadnya."

"Walaupun harga diesel merekodkan penurunan minggu lepas, kami menjangkakan kos pengeluaran akan terus meningkat.

"Jika keadaan ini berlanjutan tanpa intervensi, kami bimbang ramai pengusaha tidak lagi mampu bertahan," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tekanan kos semasa memaksa peladang menilai semula strategi penanaman bagi memastikan kelangsungan operasi ladang.

Ujarnya, antara langkah yang diambil termasuk mengurangkan keluasan kawasan tanaman dan memberi tumpuan kepada sayuran jangka pendek bawah 50 hari bagi meminimumkan risiko kerugian.

Beliau turut menjelaskan, wujud jurang ketara antara

harga di peringkat ladang dan pasaran yang memberi kesan kepada pekebun.

"Di peringkat pasar borong, sayur dijual kepada peruncit dan pemborong kecil yang membekalkan ke pasar malam atau pasar raya.

"Jika kami hantar ke pasar borong dengan harga RM1.50, pemborong akan menjualnya semula kepada peruncit pada harga RM1.80 hingga RM2, manakala pasar raya pula akan menjualnya pada harga sekitar RM2.30 hingga RM2.40," katanya.

Tambah beliau, situasi itu menyebabkan peladang terus ter-

tekan kerana tidak mempunyai kuasa dalam penetapan harga.

Menurutnya, peladang merupakan pihak yang paling terkesan dalam rantaian tersebut.

"Kami terpaksa menerima sahaja harga yang ditentukan pemborong. Jika harga rendah ditetapkan, kami tidak mempunyai pilihan selain akur," katanya.

Dalam pada itu, Syed Abd Rahman berkata, walaupun kerajaan menyediakan subsidi diesel, namun inisiatif tersebut masih belum memadai untuk menampung beban kos pengeluaran yang semakin mencabar.

Jelasnya, pekebun memerlukan pendekatan lebih menyeluruh termasuk pengenalan semula subsidi pengeluaran seperti yang pernah dilaksanakan pada penghujung 1990-an dan awal 2000-an.

"Dahulu apabila harga sayur rendah, pekebun menerima subsidi berdasarkan jumlah jualan.

"Contohnya, bagi setiap satu tan sayur yang dijual, pekebun akan menerima subsidi sebanyak RM100 berdasarkan jumlah jualan direkodkan.

"Jika dalam sebulan kami menjual 10 tan, maka kami akan mendapat subsidi RM1,000," katanya.

Syed Abd Rahman turut mencadangkan beberapa langkah intervensi termasuk penambahbaikan mekanisme subsidi, kawalan harga input pertanian dan strategi mengurangkan kebergantungan kepada bahan import.

Katanya, langkah itu penting bagi memastikan kos pengeluaran dapat dikawal dengan lebih berkesan, sekali gus membantu menstabilkan operasi di peringkat ladang yang kini semakin terhimpit.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir sebelum ini berkata, krisis bekalan global yang tercetus susulan ketidakpastian geopolitik dan gangguan rantaian perdagangan antarabangsa kini tidak lagi terhad kepada pasaran dunia, sebaliknya mula dirasai secara langsung oleh rakyat Malaysia.

Menurut beliau, kesan krisis itu jelas berpindah ke peringkat domestik melalui peningkatan kos pengangkutan, logistik, harga barangan keperluan dan perbelanjaan harian rakyat.



Kami cuba menyerap kenaikan ini sedaya upaya agar harga di pasaran tidak melambung, namun kemampuan kami ada hadnya."
- Syed Abd Rahman

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

RM100 upah seludup 8.5 tan beras

TUMPAT: Hanya dengan upah RM100, seorang lelaki sanggup menjadi 'rider' penyeludup beras sebanyak 8.5 tan bernilai kira-kira RM34,000 menggunakan sebuah lori.

Bagaimanapun, nasib tidak menyebelahi lelaki berusia 31 tahun ini apabila dia ditahan Pasukan Gerakan Am (PGA) kira-kira pukul 4.30 petang semalam, di tepi jalan berhampiran Masjid Ar-Rahman, Kubang Batang di sini.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Ahmad Radzi Hussain berkata, pemeriksaan lanjut ke atas lori

dipandu suspek telah menemukan 8.5 tan beras yang cuba diseludup.

Kata beliau, siasatan awal mendapati suspek mengaku menerima upah RM100 bagi setiap penghantaran barang yang dilakukan mengikut arahan.

"Siasatan lanjut beras tersebut alan dihantar ke kawasan sekitar daerah Besut, Terengganu. Penglibatan lelaki berkenaan sebagai penghantar dengan bayaran upah yang rendah menunjukkan kewujudan rangkaian sindiket yang lebih besar dan terancang.

"Kita tidak menolak kemungkinan peranan setiap individu diasingkan bagi mengaburi kegiatan sebenar," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Ahmad Radzi memberitahu, kes disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawalselia Padi dan Beras Negara 1994

Katanya, tindakan pemantauan dan risikan berterusan serta operasi bersepadu antara agensi berkaitan perlu dipertingkatkan bagi mengekang aktiviti penyeludupan ini daripada terus berleluasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Lelaki ditahan bawa 8.5 tan beras Siam

TUMPAT - Seorang lelaki ditahan bersama 8.5 tan beras dipercayai cuba diseludup dari Thailand dalam serbuan Op Taring Wawasan di Kampung Kubang Batang di sini pada Sabtu.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA), Senior Asisten Komisioner Ahmad Radzi Hussain berkata, serbuan dilakukan kira-kira jam 4.30 petang hasil pemantauan anggota risik Batalion 9 PGA Kuala Terengganu bersama Kawalselia Padi dan Beras Negara Kelantan.

Menurut beliau, ketika rondaan di Jalan Kampung Kubang Batang, anggota mengesan sebuah lori putih dalam keadaan mencurigakan berhampiran lampu isyarat berhadapan Masjid Air-Rahman sebelum ditahan untuk pemeriksaan.

"Hasil pemeriksaan di bahagian muatan menemui guni



Lori membawa beras diseludup dari Thailand ditahan ketika Op Taring Wawasan di Kampung Kubang Batang, Tumpat.

putih berisi 8,500 kilogram (kg) beras disyaki diseludup dari Thailand.

"Pemandu lori berusia 31 tahun kemudian ditahan bagi membantu siasatan," katanya pada Ahad.

Ujar beliau, siasatan awal mendapati suspek mengaku menerima upah RM100 bagi setiap penghantaran.

Katanya, lori jenis Isuzu digunakan dipercayai dari Bunohan sebelum beras dihantar ke lokasi ditetapkan sekitar Besut, Terengganu.

Menurut Ahmad Radzi, kes disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawalselia Padi dan Beras Negara 1994 dan rampasan diserahkan kepada pihak berkaitan untuk tindakan lanjut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6



AMIRUDIN Shari dan Ng Suee Lim bersama pengunjung Festival Sawah Padi Sekinchan dekat Terminal Sekinchan di Sabak Bernam, Selangor semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

Festival Sawah Padi Sekinchan 2026 tarikan pelancongan agro

SABAK BERNAM: Festival Sawah Padi Sekinchan 2026, di sini mampu menarik sehingga 15,000 pelancong tempatan dan antarabangsa yang berpeluang menyertai pelbagai aktiviti termasuk kebudayaan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ia sebahagian daripada langkah strategik bagi memperkukuh sektor pelancongan agro di negeri ini khususnya di Sekinchan sebagai antara satu lokasi wajib dikunjungi di Selangor.

“Selangor komited memastikan ketahanan ekonomi dengan menggalakkan pelancongan domestik. Melangkah ke hadapan, menerusi Rancangan Selangor

Kedua (RS2), negeri ini akan terus memperkukuh pertumbuhan ekonomi, pembangunan infrastruktur, mobiliti kesejahteraan rakyat melalui pendekatan yang inklusif dan mampan,” katanya, semalam.

Program dua hari mulai semalam itu turut beri peluang kepada pelancong menikmati pemandangan matahari terbit dan terbenam dalam suasana latar belakang hijau sawah padi.

Penganjuran kali kedua oleh Tourism Selangor sejak tahun lalu itu memperkenalkan konsep penganjuran dari petang hingga malam dengan pelbagai aktiviti menarik.

Antaranya, Larian Sawah

Padi yang menarik lebih 1,000 penyertaan dari pelbagai tempat, boleh mengunjungi 35 vendor di bawah Platform Selangor (PLATS) yang menyediakan pelbagai hidangan tempatan.

Sementara itu, Exco Pelancongan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Ng Suee Lim berkata, festival menjadi sebahagian program dalam Zon Kembara Sabda (Wilayah Pembangunan Sabak Bernam).

“Kita mahu Selangor bukan sahaja dikenali sebagai negeri pesat membangun dengan bandar-bandar moden, tetapi juga sebagai negeri yang kaya dengan warisan, desa, keindahan alam semula jadi.” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

UMT perkasa ekonomi komuniti melalui lepasan benih udang galah

Kota Tinggi: Sebanyak 200,000 benih udang galah dilepaskan ke Sungai Sedili Besar, Kampung Gembut, di sini sebagai usaha memulihara sumber perikanan sungai serta memperkukuh ekonomi komuniti setempat.

Program berkenaan dilaksanakan melalui kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Kota Tinggi, Jabatan Perikanan Negeri Johor serta komuniti setempat.

Majlis perasmian disempurnakan Ahli Parlimen Kota Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang menyifatkan Sungai Sedili Besar, Kampung Gembut sebagai kawasan berpotensi tinggi dengan ekosistem air tawar yang masih terpelihara.

"Kawasan ini mempunyai sistem sungai yang kaya biodiversiti. Justeru, usaha pemuliharaan seperti ini amat penting bagi memastikan kelestariannya untuk generasi akan datang," katanya.

Tambahnya, pada penghujung 2025, pihak UMT sudah membawa beberapa induk udang galah dari Sungai Gembut ke pusat penetasan universiti untuk pembiakan terkawal sebelum berjaya menghasilkan 200,000 benih untuk dilepaskan semula secara berperingkat.

Katanya, udang galah adalah spesies air tawar bernilai komersial tinggi dan mempunyai permintaan kukuh di pasaran, sekali gus



Mohamed Khaled melepaskan benih udang galah di Sungai Gembut, Kota Tinggi. (Foto ihsan UMT)

menjadikan inisiatif itu berpotensi membantu nelayan sungai serta pengusaha kecil menjana pendapatan tambahan.

Sementara itu, Naib Canselor UMT, Prof Ir Dr Mohd Zamri Ibrahim, berkata program berkenaan mencerminkan kerjasama erat antara universiti, agensi kerajaan dan komuniti dalam usaha memulihara biodiversiti perairan.

Katanya, UMT sebagai universiti peneraju dalam bidang kelautan dan sumber akuatik sudah melaksanakan pelbagai projek pelepasan

benih di seluruh negara termasuk di Bukit Mentok (Kemaman), Bagan Lalang (Sepang), Sedili (Kota Tinggi), Merchang Wetland, Sungai Nyatoh (Setiu) serta kawasan pantai berhampiran kampus universiti.

Selain pelepasan benih, program itu turut menampilkan pameran pendidikan berteraskan sumber perikanan dan inovasi bioteknologi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan sumber secara lestari.

Terengganu govt probing water turbidity at Kelah Sanctuary

KUALA BERANG: Murky water at the Kelah Sanctuary near Tasik Kenyir has prompted an investigation by the Terengganu government.

State tourism, culture, environment and climate change committee chairman Datuk Razali Idris said the issue is being thoroughly investigated, including claims linking it to logging activities around Tasik Kenyir.

He said any activity that can potentially affect the ecosystem of Tasik Kenyir would be closely monitored, and strict action would be taken if there are violations of conditions or regulations involving sensitive areas such as the Kelah Sanctuary.

"The state government views seriously the issue of water turbidity at the Kelah Sanctuary, which was first detected on

Thursday and has drawn negative reactions from visitors.

"Mitigation measures will be implemented immediately to ensure that water quality and the habitat of the kelah fish, a key attraction at Tasik Kenyir, are preserved and not affected," he said in a statement, Bernama reported.

In addition, Razali said water quality monitoring at the sanctuary had been intensified, and rel-

evant updates would be shared with the public.

He said the state government remains committed to ensuring that tourism development at the lake is carried out in a sustainable, safe and balanced manner for future generations.

Meanwhile, Razali said the Federal Government, through the Central Terengganu Development Authority (Ketengah) would

undertake repair works on the Melumak Trail, a forest trail linking the jetty or boat dock at Tasik Kenyir to the Gua Bewah area.

He said upgrading works on toilets, improvements to signage, entrance gate and repairs to solar-powered lighting would also be carried out at Gua Bewah, which is known as the site where prehistoric human remains were discovered in 2009.